

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN WONG HON WAI  
[BUKIT BENDERA]**

**TARIKH** : **12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN :**

**TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan ramai isi rumah yang terkesan akibat pandemik COVID-19 seperti yang dilaporkan oleh Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan, Malaysia (2020), apakah inisiatif baharu Kerajaan untuk mendaftarkan mereka di bawah sistem eKasih dan lain-lain bantuan kebajikan.

**JAWAPAN**

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai pangkalan data kemiskinan nasional pada tahun 2008 bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2019 (*Household Income Survey 2019*). PGK semasa (2019) adalah RM2,208 berbanding PGK terdahulu (2016) iaitu RM980.
2. Profil isi rumah miskin diperolehi melalui kaedah bancian di lapangan melalui sesi temu ramah/ bersemuka serta dapatan di lokasi tempat kediaman isi rumah berkaitan. Golongan bersasar yang akan dibanci juga adalah berdasarkan maklumat diterima daripada pelbagai pihak termasuk pemimpin tempatan, individu/masyarakat dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta aduan di dalam media sosial.
3. Antara inisiatif baharu adalah penubuhan Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) pada Disember 2019 sebagai langkah yang lebih menyeluruh kepada rakyat agar tiada yang tercicir dan terpinggir daripada menerima bantuan yang sewajarnya. Satu pangkalan data berpusat sedang dibangunkan iaitu Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) yang akan menjadi platform pengurusan maklumat perlindungan sosial yang efektif, termasuk bantuan-bantuan untuk kumpulan miskin tegar dan miskin bagi memastikan tiada lagi *inclusion or exclusion error* di dalam penyaluran perlindungan serta bantuan.

Sekian, terima kasih.